

Surayud dijangka lawat Malaysia

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont, yang dilantik memegang jawatan itu berikutan rampasan kuasa bulan lalu, akan melawat Malaysia tidak lama lagi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Perdana Menteri Thai itu kemungkinan besar melawat negara ini lama lagi dan pelbagai urusan serta butiran terperinci lawatan itu sedang diusahakan.

Najib berkata walaupun agenda lawatan itu belum diketahui tetapi memandangkan beliau seorang Perdana Menteri baru, Surayud mungkin ingin menemui perdana menteri

lain di rantau ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan bungkusan Aidilfitri oleh penderma kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini, semalam.

Rampasan kuasa diketuai Panglima Tentera Darat Thailand, Jen Sondhi Boonyaratglin menggulingkan kerajaan Perdana Menteri Thaksin Shinawatra dan berikutan itu, Surayud dilantik perdana menteri hingga pilihan raya umum tahun depan.

Sementara itu, Najib berkata, Malaysia tiada menerima jemputan rasmi untuk menjadi tuan rumah kepada perundingan antara kerajaan Thailand dan kumpulan pemisah Islam dari wilayah selatan negara itu.

BH - 13/10/2006

"Kita tidak diminta. (Sebelum ini) kita dijemput oleh Filipina untuk menjadi tuan rumah rundingan antara kerajaan dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) tapi kita belum menerima maklum balas mengenai perkara ini (isu Selatan Thai)," katanya.

Sementara itu, Malaysia akan menghantar pasukan peninjau dianggotai empat anggota ATM untuk meninjau Selatan Lubnan sebagai persiapan penempatan tentera negara ini menjalankan misi pengaman.

Katanya, pasukan peninjau itu berlepas ke Lubnan dalam dua atau tiga hari lagi sebelum pasukan utama dihantar dalam tempoh sebulan.

"Selepas menerima laporan dari pasukan peninjau ini, kita akan

membuat persiapan terakhir menentukan penempatan anggota kita berjalan dengan baik," katanya.

Beliau berkata, pasukan utama yang akan berlepas dalam masa sebulan untuk misi pengaman di Lubnan, dianggotai seramai 360 anggota dari ketiga-tiga cabang ATM.

Di **BANGKOK**: Bernama melaporkan Surayud mengumumkan bahawa beliau akan mengadakan lawatan suai kenal ke beberapa negara Asean, bermula dengan Laos dan Kemboja hujung minggu ini.

Surayud berkata, beliau bercadang melawat negara Asia Tenggara terlebih dulu kerana pentingnya per kumpulan itu kepada Thailand untuk membantu mengukuhkan lagi hubungan sedia terjalin.